



**SURAT PEMBERITAHUAN
PEJABAT SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

**PENGIKLANAN JAWATAN KOSONG PERATURAN 38(a)
DALAM PERKHIDMATAN AWAM**


**Hanya dibukakan bagi pemohon daripada kalangan Pegawai dan Kakitangan
yang sedang berkhidmat di Perkhidmatan Awam
Negara Brunei Darussalam sahaja.**

**TIMBALAN PENERUSI LEMBAGA BANDARAN (KUMPULAN 2)
JABATAN BANDARAN KUALA BELAIT DAN SERIA
KEMENTERIAN HAL EHWAL DALAM NEGERI
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

**Surat Pemberitahuan ini hendaklah dibawa kepada pengetahuan serta
perhatian semua Pegawai-Pegawai yang layak untuk memohon**

Syarat-Syarat Am:

- (A) Pemohon terdiri daripada Rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.
- (B) Pemohon adalah dipelawa daripada Pegawai dan Kakitangan yang sedang berkhidmat di Kementerian atau Jabatan-Jabatan Kerajaan sahaja.
- (C) Pemohon mempunyai pengetahuan kerasmian agama Islam, adat istiadat, kebudayaan, perkembangan sosial, ekonomi dan politik Negara Brunei Darussalam.
- (D) Bersedia untuk bertugas bila-bila masa di luar waktu bekerja biasa atau bekerja secara bergilir-gilir (shift) atau semasa cuti awam dan juga hendaklah bersedia untuk bertugas di mana-mana sahaja di Negara Brunei Darussalam.



**TIMBALAN PENERUSI LEMBAGA BANDARAN
JABATAN BANDARAN KUALA BELAIT DAN SERIA
KEMENTERIAN HAL EHWAL DALAM NEGERI
KUMPULAN 2 (\$5,400 EB KHAS \$5,610 SEBULAN)
KEKOSONGAN = SATU (01)**

KELAYAKAN MINIMUM:

1. Ijazah Sarjana Muda dalam bidang Pentadbiran Awam dan Pengurusan atau dalam bidang bersesuaian.

Mempunyai kelulusan yang lebih tinggi adalah kelebihan.

2. i) Telah berkhidmat di Jabatan Bandaran sebagai Pegawai Bandaran Kanan atau jawatan bersesuaian dalam tangga gaji B.3 atau sebanding tidak kurang dari 7 tahun atau dalam tangga gaji Kumpulan 3 atau sebanding tidak kurang dari 3 tahun dan telah ditetapkan dalam jawatan.

ATAU

- ii) Telah berkhidmat dalam perkhidmatan Kerajaan dalam jawatan bersesuaian dalam tangga gaji Kumpulan 3 atau sebanding tidak kurang dari 4 tahun atau dalam tangga gaji B.3 atau sebanding tidak kurang dari 8 tahun dan telah ditetapkan dalam jawatan.
3. Mempunyai laporan penilaian prestasi di tahap sekurang-kurangnya **SANGAT BAIK** bagi tempoh 3 tahun kebelakangan.

TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB:

1. Membantu kepada Pengerusi Lembaga Bandaran dalam melaksanakan tugas-tugas pentadbiran, pengurusan dan penyeliaan di Jabatan Bandaran Kuala Belait dan Seria;
2. Merancang, memantau dan menyelaras projek-projek tahunan dan Rancangan Kemajuan Negara (RPN);
3. Merangka dan merancang bagi memajukan bangunan-bangunan Kerajaan di bawah kawalan Jabatan Bandaran Kuala Belait dan Seria melalui dasar-dasar penswastaaan/mengkomersialkan;



4. Merangka dan merancang bagi memajukan tapak tanah kosong (*vacant land*) di bawah *gazette* Jabatan Bandaran Kuala Belait dan Seria melalui dasar-dasar penswastaaan;
5. Mengurus Hal Ehwal perwartaan bagi tapak tanah keperluan Jabatan Bandaran Kuala Belait dan Seria;
6. Menyediakan dokumen-dokumen tawaran bagi projek-projek tahunan yang diluluskan;
7. Merangka dan merancang peruntukan Jabatan melalui peruntukan operasi yang diluluskan dengan perancangan yang menjurus kepada prasarana dan kemudahan yang diberikan dalam perbendaharaan; dan
8. Mengawasi dan menyelaras ketua-ketua bahagian.